Utusan Malaysia
7 April 2017



MEREKA yang meminati golf juga boleh menggunakan kepakaran masing-masing.

Aktiviti berbasikal antara yang menjadi pilihan peserta untuk menerokai alam semulajadi.

Bangunan lama yang dibina pada 1930-an menjadi tarikan pengunjung di Kulim Eco Trail Retreat.

Sedia pelbagai aktiviti lasak mencabar fizikal, minda

# KETR destinasi rekreasi menarik

Oleh AZIZI MAJID
utusanjohor@utusan.com.my

■ KOTA TINGGI 6 APRIL

KETIKA kaki melangkah masuk ke Ladang Basir Ismail yang terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kota Tinggi, seluruh pancaindera bagaikan bersatu dengan alam.

Saujana mata memandang di kawasan tersebut melihat suasana tenang selain diiringi angin sepoi-sepoi bagai menyambut kedatangan pengunjung ke Kulim Eco Trail Retreat (KETR).

Tidak siapa menyangka ladang kelapa sawit yang dilihat rupanya sebuah kawasan yang menarik untuk menjalankan pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga atau berkumpulan yang ditawarkan di situ.

Lebih unik kerana tersergamnya sebuah bangunan lama yang dikatakan dibina pada 1930-an tetapi telah dibaikpulih tanpa menjejaskan keaslian reka bentuk asalnya.

Kira-kira 50 meter dari bangunan itu, mengalirnya air Sungai Johor yang menjadi habitat semula jadi pelbagai spesis hidupan marin selain menjadi tumpuan burung bangau di kawasan berkenaan.

Itulah uniknya KETR yang terletak di tanah seluas 5.6 hektar merupakan sebuah pusat kegiatan riadah dan menawarkan pelbagai program pembangunan berkumpulan (team building) sejak beroperasi pada 2014.

Pada asalnya, bangunan itu adalah sebuah pusat latihan dalaman milik Johor Corporation (JCorp) sebelum diambil alih oleh Kulim yang merupakan syarikat dalam Kumpulan JCorp untuk dibangunkan semula pada 2010.

Kawasan tersebut menyediakan pelbagai kemudahan untuk keperluan pelancongan dan aktiviti kumpulan terutama warga korporat yang mahu menganjurkan kem riadah serta aktiviti pembangunan kumpulan.

KETR yang mampu memuatkan sehingga 200 peserta menyediakan pelbagai aktiviti lasak dan santai yang menyeronokkan serta mempunyai jurulatih berpengalaman untuk memberi tunjuk ajar.

Cabaran getir buat peserta apabila perlu melalui aktiviti yang cukup mencabar dari segi mental dan fizikal seperti memanjat pokok menggunakan tali, berkayak, mendaki bukit, mendayung menggunakan papan luncur dan menyusuri denai.

Bagi mereka yang meminati sukan berbasikal, jangan lepaskan peluang itu dengan mendaki puncak bukit setinggi 170 meter dari aras laut bagi menikmati pemandangan 360 darjah melihat daerah ini dari atas.

Aktiviti lain yang boleh dicuba oleh peserta adalah *stand up paddling* yang menggunakan papan luncur dan kemahiran berkayuh untuk bergerak di sepanjang sungai.

Selain itu, aktiviti *leap of faith* pula memerlukan keberanian peserta untuk berada pada ketinggian 30 kaki dan kemudiannya melompat untuk mencapai palang pemegang.

Aktiviti lain yang boleh diterokai peserta di KETR adalah perlumbaan membina rakit, persembahan unggun api, berkayak, memancing dan mengadakan lawatan melihat kunang-kunang serta ladang nanas Melita milik Kulim.

Justeru, orang ramai yang berminat untuk mengadakan apa juga aktiviti di KETR boleh menghubungi talian 019-7766638 untuk membuat tempahan.

SEORANG jurulatih membuat demonstrasi menyembur minyak tanah ke arah api.

AKTIVITI membuat rakit perlu dilalui peserta yang cukup memberi cabaran.

CABARAN memanjat pokok menggunakan tali antara aktiviti lasak yang boleh dicuba.

CABARAN paling getir apabila peserta berdiri di atas papan luncur dan mendayung.

PESERTA bertungkus-lumus mendayung rakit yang dibuat sendiri.

BERKAYAK antara aktiviti yang disediakan.

**info**

**ANTARA KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI KETR:**

1. Ruang lobi
2. Bilik penginapan - terdapat 32 bilik yang boleh memuatkan sehingga 200 peserta dan dilengkapi 'wifi' dalam setiap bilik
3. Dewan utama - boleh memuatkan sehingga 500 peserta serta dilengkapi sistem audio visual dan pentas
4. Bilik darjah - terdapat empat bilik darjah
5. Dewan makan
6. Surau lelaki dan wanita
7. Bilik permainan - Xcape room dan 'indoor games room'